Kegagalan syarikat telekomunikasi dalam mematuhi Tataamalan ini merupakan suatu kesalahan yang mana jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya. JPDP juga serius dalam memantapkan lagi penguatkuasaan Akta 709 dengan penggubalan Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pengkompaunan Kesalahan) 2016 yang telah diwartakan pada 14 Mac 2016.

JPDP juga telah dan sedang giat menjalankan audit pematuhan dalam meningkatkan keupayaan dan kebolehan pengguna data mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta 709. Pada tahun 2015 sahaja, sebanyak 107 audit pematuhan telah dilakukan diseluruh negara, melibatkan pengguna data yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti komunikasi, perbankan, kesihatan, institusi pengajian tinggi, perkhidmatan, jualan langsung, utiliti dan hartanah.